

Henti segera buat surat layang

U.M. - 7 SEP 1993

KUALA LUMPUR 6 Sept. — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan ahli-ahli UMNO menghentikan segera perbuatan mengedar surat layang, khususnya menjelang Perhimpunan Agung UMNO November ini.

Beliau berkata, jika perbuatan mengedarkan surat layang ini berterusan, orang-orang di luar parti khususnya musuh-musuh UMNO akan menggunakan bahan-bahan tersebut untuk mengecam UMNO.

"Saya nasihatkan semua ahli UMNO menghentikan perbuatan menulis dan mengedarkan surat dan kartun layang ini," katanya kepada para pemberita selepas memengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Ibu Pejabat UMNO, di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau sedih dengan fenomena surat layang ini kerana pertandingan yang berlaku hanya melibatkan parti UMNO sahaja.

Ditanya sama ada perlu ditubuhkan satu biro berkaitan surat layang bagi

mengatasi masalah itu, Perdana Menteri berkata, setakat ini masalah tersebut masih belum sampai ke tahap perlunya satu biro khas.

Masalah

Menjawab satu pertanyaan lain, Dr. Mahathir juga berkata, orang luar tidak boleh campur tangan dalam masalah negara ini termasuk masalah pemilihan dalam UMNO.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak mahu orang luar campurtangan dalam politik dan ekonomi negara.

Bagaimanapun katanya, mereka akan tetap berbuat demikian walaupun dihalang.

"Seboleh-bolehnya kita tak nak orang luar campurtangan... tapi kita tak boleh nak halang mereka kalau mereka nak cakap juga," katanya.

Timbalan Perdana Menteri Ghafar Baba, Sabtu lalu memberi amaran mengenai campur tangan orang luar dalam soal politik dan ekonomi negara.

Perbuatan tersebut sekiranya dibiarkan berlautan menurut Ghafar, dikhuatiri boleh menyebabkan Malaysia dijajah semula.